

PTA

PERPUSTAKAAN TENGKU ANIS



**PROGRAM
PENDIDIKAN
PENGGUNA**

**TEMUBUAL
PUAN WAN
MAHEZAN**

**HARI MESRA
PELANGGAN
FEB 2012**

**SAMBUTAN
MAULIDUR RASUL
& AS-SYURA**

**ANUGERAH
DAN
PENGHORMATAN**

**BILA PUSTAKAWAN
BERBICARA...**

**KENALI
KAMI**

**KEJAYAAN KUMPULAN
INOVATIF & KREATIF
(KIK)**

SIDANG

REDAKSI

PENAUANG

Prof Madya Dr Haji. Mohd Shukri Bin Haji Omar

PENASIHAT

Wan Mahezan Bte Hj Wan Othman

KETUA PENGARANG

PN. Nordelina Bte Zulkarnain

URUSETIA

Maha Yudden Bin Mahmood Aida Bte Mustapha

REKA BENTUK DAN SUSUNAN ATUR

EN. Mohd Hazrie Bin Mat Nawi
PN. YM Tuan Azizah Binti Tuan Yusof

JURUFOTO

Zul Bin Abdullah
Nazrol Hisham Bin Ghazali

EDARAN

Mazlan Bin Isa
Hamizur Bin Hussin

URUS CETAK

Mustazim Bin Mustapa

JUJUP

Fauzi Bin Yaacob
Suhaimi Md Zain

PENCETAK

Percetakan Berkat Karisma
Lot 14B, KIM Fasa 3,
Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu, Kelantan.
Email : berkat501@yahoo.com
Tel/Fax : 09-774 2501

edisi 2012

KATA PENGANTAR



Wan Mahezan Bte Hj Wan Othman

**TIMBALAN
KETUA PERPUSTAKAAN**

Alhamdulillah, Buletin Perpustakaan Tengku Anis (PTA) tahun 2012 kini menemui pembaca. Sekalung penghargaan kepada semua warga kerja Buletin PTA khususnya dan warga Perpustakaan Tengku Anis dalam memacu usaha menghasilkan Buletin PTA yang sarat dengan pengisian aktiviti sepanjang tahun yang dianjurkan oleh PTA atau organisasi luaran dan dalaman, promosi perkhidmatan dan kemudahan, fakta-fakta mengenai koleksi perpustakaan, statistik peminjam, dan juga pencapaian cemerlang PTA dan juga kakitangan.

Syabas dan Tahniah kepada semua warga PTA kerana telah mengungguli Anugerah Inovasi Staf UiTM Cawangan Kelantan tahun 2012 dengan berjaya dinobatkan sebagai **Juara Anugerah Kualiti Rektor Kelantan (Bahagian)**. Tahniah kepada KIK PARADIGMA kerana telah mengharumkan nama UiTM Cawangan Kelantan dan PTA berjaya menggondol **Anugerah Persembahan Terbaik** dan **Emas 3 Bintang** sempena Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Universiti Teknologi MARA (UiTM) kali ke 17 dan **Anugerah Pembentang Terbaik** sempena Konvensyen KIK Perpustakaan SeMalaysia Tahun 2012.

Beberapa ruangan baru seperti ruangan Kenali Kami dan Jom Selongkar telah diwujudkan bagi memvariasikan kandungan maklumat Buletin PTA agar lebih dekat dan mesra pembaca. Saya menyeru kepada semua warga UiTM Cawangan Kelantan dan para pembaca diluar sana agar berkunjunglah ke teratak kami PTA UiTM Caw. Kelantan. Kami sentiasa bersedia menanti kunjungan anda sejajar dengan tagline PUiTM iaitu "**LIBRARY FOR ALL**" atau Perpustakaan Untuk Semua.

Kepada semua kakitangan PTA eratkan kerjasama berpasukan yang menjadi tunjang kejayaan kita semua, sentiasa peka dengan kehendak dan citarasa pengguna dan pastikan layanan dan mutu perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna sentiasa dipertingkatkan agar selari dengan kecanggihan dan teknologi semasa. Ayuh, kepada rakan FB diluar sana, like kami di FB Perpustakaan Tengku Anis. Akhir kalam, semoga tahun 2013 menjanjikan lebih banyak kejayaan buat PTA dan semoga berjumpa lagi pada keluaran yang akan datang.



KEMUDAHAN



Bilik Diskusi

Kelengkapan Bilik:
1 Buah Komputer
10 buah kerusi
2 buah meja
2 papan putih



Bilik Mesyuarat

Kelengkapan Makmal :
1 buah komputer
40 buah kerusi
31 buah meja
1 buah LCD Projector
1 papan putih



Zon internet

Kelengkapan Bilik:
40 buah kerusi
40 buah meja
1 buah pencetak

PERKHIDMATAN

LISRES



Library Services Reservation System (LiSReS) atau yang juga dikenali sebagai Sistem Tempahan Perkhidmatan Perpustakaan.

Fungsi utama LiSReS ialah membolehkan pensyarah atau pelajar membuat tempahan Bilik Diskusi,

Bilik Mesyuarat, Zon Internet dan Bilik Seminar untuk tujuan akademik.

Fungsi bagi Moderator pula sistem ini membolehkan segala rekod-rekod tempahan disimpan didalam pangkalan data dan menyenangkan proses capaian kepada rekod berkenaan. Sistem ini boleh dilayari di <http://ptakelantan.uitm.edu.my/lisres/>

LIBRARY ONLINE DATABASE



Taip

<http://ezaccess.library.uitm.edu.my>
Masukkan username dan password
Username: No pelajar
Password : No I/C

Paparan Senarai Pangkalan Data dan Klik dua kali pada mana-mana pangkalan data yang dikehendaki

CARA-CARA UNTUK MEMPERBAHARUI PINJAMAN BAHAN



Layari laman web
<http://lib.kelantan.uitm.edu.my/equip/custom/home.jsp>

Kemudian, klik di bahagian Borrowing & Renewal (Circulation)

Jika ada sebarang masalah, boleh rujuk kepada En Maha Yudeen atau Puan Rosmariyati



Disediakan oleh : Puan Nordelina Bt. Zulkarnain (Pustakawan)

ANUGERAH DAN PENGHORMATAN



NAMA:
ENCIK FAUZI BIN YAACOB

ANUGERAH:
PINGAT TAAT (P.T)



NAMA:
ENCIK MAZLAN BIN HAJI
ISA

ANUGERAH:
BINTANG AHLI KELANTAN



NAMA:
ENCIK MAHAYUDDEN BIN
MAHMOOD

ANUGERAH:
PINGAT TAAT (P.T)



NAMA:
ENCIK SUHAIMI BIN
MD. ZAIN

ANUGERAH:
PINGAT PERANGAI BAIK
(P.P.B)

SEKALUNG TAHNIAH DIUCAPKAN
DARIPADA PERPUSTAKAAN
TENGGU ANIS KEPADA STAF
PTA DIATAS
PENGURNIAN KEHORMATAN
NEGERI KELANTAN BAGI TAHUN
2012

DARIPADA
KEBAWAH DULI YANG MAHA
MULIA SULTAN MUHAMMAD V

SEMPENA
PERAYAAN MENYAMBUT ULANG-
TAHUN HARI KEPUTERAAN KE-
BAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V


AHLI BARU



NAMA STAF: EN. CHE HASNAN BIN CHE IDRIS
ISTERI: ASILAH BT MUSTAFAR
ANAK: CHE MUHAMMAD AMAR BIN CHE HASNAN
TARIKH LAHIR: 4.2.2012
ANAK KEDUA



NAMA STAF: EN MOHD ROSLI BIN CHE ISMAIL
ISTERI: FAUZAN NAJIHAN BINTI RAMLI
ANAK: MUHAMMAD FARIS AIMAN BIN MOHD ROSLI
TARIKH LAHIR: 3.5.2012
ANAK PERTAMA



NAMA STAF: EN HAMIZUR BIN HUSSIN
ISTERI: TUAN NORMAWATI BT TUAN SOH
ANAK: MUHAMMAD HAZWAN BIN HAMIZUR
TARIKH LAHIR: 17.5.2012
ANAK KETIGA



JOM! KITA SELONGKAR RAHSIA DAN TIPS

**PUAN WAN MAHEZAN
BINTI HAJI WAN OTHMAN**



1) Perpustakaan Tengku Anis gah dan cemerlang dari segi perkhidmatan, pengurusan organisasi, layanan staf dan hubungan sekerja. Selaku Timbalan Ketua Perpustakaan apakah rahsia Puan Wan untuk mengekalkan kejayaan yang diperolehi?

Tidak ada rahsia sebenarnya, namun yang paling penting dalam satu satu jabatan atau organisasi untuk terus kekal berjaya. KERJASAMA DAN TEAM WORK AMAT AMATLAH diperlukan serta jangan ada syak wasangka buruk terhadap staf.

2) Setiap perkara yang kita lakukan semestinya tidak lari daripada menghadapi sebarang halangan. Bolehkah Puan Wan berkongsi serba sedikit tentang halangan terbesar yang Puan Wan lalui sepanjang mengemudi Perpustakaan Tengku Anis?

Saya telah berkhidmat dengan UITM lebih kurang 26 tahun, banyak halangan yang terpaksa di hadapi, di antaranya yang paling besar ialah kekurangan peruntukan kewangan dan kekurangan staf. Kurang peruntukan, kita masih boleh bekerja bagaimanapun kekurangan staf satu hari nanti akan melumpuhkan perkhidmatan yang diberikan

3) Bagaimanakah Puan Wan mengekalkan motivasi kakitangan pada tahap yang terbaik kerana umum mengetahui kakitangan Perpustakaan Tengku Anis mempunyai semangat kerjasama yang tinggi dalam melaksanakan tugas yang diberikan?

Saya amat amat berbangga dengan semua staf saya, selama menjadi ketua perpustakaan. Saya tidak pernah hadapi masalah besar dengan semua staf, saya bangga kerana dalam apa jua perkara/projek/program yang di anjurkan dalam atau luar UITM,

semua staf sentiasa memberi komitmen yang amat tinggi. Sebagai ketua, saya selalu tekankan kepada staf, anggaplah perpustakaan ini hak kita iaitu di sini tempat kita bekerja, bersedih, ketawa, gembira dan di sini tempat mencari rezeki. Pastikan rezeki yang kita dapat setiap bulan itu, kita bawa balik kepada anak isteri kita dan keluarga kita adalah rezeki halal. Saya juga suka memberi ganjaran dan hadiah kepada semua staf, setiap tahun saya akan pastikan saya dapat bagi hadiah pada staf walaupun harganya tidak mahal.

4) Apakah harapan dan impian Puan Wan kepada semua kakitangan Perpustakaan Tengku Anis dalam memastikan pencapaian Perpustakaan Tengku Anis sentiasa pada tahap yang terbaik?

Saya sentiasa berdoa agar PTA dan semua staf akan kekal unggul dan berjaya dalam semua aspek pada bila bila masa. Saya akan sentiasa berdiri di belakang PTA dalam apa jua keadaan sekalipun. Harapan saya, kita terbaik untuk hari ini dan akan menjadi lebih baik untuk keesokan harinya.

5) Akhir kata, boleh Puan Wan berkongsi idola atau tokoh yang menjadi inspirasi Puan Wan sehingga menjadi seorang Ketua Jabatan yang berdedikasi dan mampu memberikan sepenuh komitmen dalam mengendalikan sebuah Gedung Ilmu yang amat penting untuk seseorang pelajar?

Bagi saya semua tokoh yang berjaya dalam bidang akademik dan kepustakawanan adalah inspirasi saya.



BULETIN PTA



PN. WAN MAHEZAN BT HAJI WAN OTHMAN

TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN



PN. ALINA BT HAJI HUSSEIN

PUSTAKAWAN



PN. NORDELINA BT ZULKARNAIN

PUSTAKAWAN



PN. ROSMARIYATI BT AB RAHMAN

PUSTAKAWAN



EN. MAHA YUDDEN BIN MAHMOOD

PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKATAN KANAN



EN. MAZLAN BIN HAJI ISA

PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKATAN KANAN



EN. MUSTAZIM BIN MUSTAPA

PEMBANTU PERPUSTAKAAN TINGKATAN KANAN



EN. FAUZI BIN YAACOB

PEMBANTU PEMULIHARAAN TINGKATAN KANAN



EN. HAMIZUR BIN HUSSIN

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



EN. MOHD. HILME BIN ABDUL RAHMAN

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



PN. WAN FATIMAH BT WAN HAMID

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



PN. AIDA BT MUSTAPHA

PEMBANTU PERPUSTAKAAN





BULETIN PTA



EN. CHE HASNAN BIN CHE IDRIS

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



EN. MOHD HAMKA BIN HJ HAMZAH

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



EN. ZUL BIN ABDULLAH

PEMBANTU PEMULIHARAAN



EN. MOHD HAZRIE BIN MAT NAWI

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



EN. MOHD ZALANI BIN MHD ZIN

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



EN. MUHAMAD NAZARI BIN MUHAMAD NOR

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



PN. MAIZATUL AKMAL BT MUHAMMAD

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



EN. MOHD RIDZUAN BIN RAMLI

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



EN. MOHD WAQIYUD-DIN BIN DZULKIFLY

PEMBANTU PERPUSTAKAAN



EN. NAZROL HISHAM BIN GHAZALI

JURUTEKNIK



Y.M TUAN AZIZAH BT TUAN YUSOF

PEMBANTU TADBIR



EN. SUHAIMI BIN MD. ZAIN

PEMBANTU AM PEJABAT TINGKATAN KANAN



Jika berminat untuk mengadakan lawatan atau bertanya lanjut mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh PTA, sila hubungi kami di talian 09-9762332

CHE MOHD ROSLI BIN CHE ISMAIL

**ORIENTASI PELAJAR BARU 11 JUN 2012**


Puan Nordelina sedang memberikan taklimat kepada pelajar baru



En Maha Yudden membuat sesi soal jawab bersama pelajar baru



En Maha Yudden memberikan maklumat tambahan kepada pelajar baru



En Zalani menerangkan kegunaan Buku senarai nama staf dan pelajar yang membawa masuk laptop



En Ridzuan memberikan penerangan tentang Perkhidmatan di Kaunter Utama



En Nazari menerangkan tentang cara-cara mencari buku di rak selepas membuat pencarian di WebOpac

PESTA BUKU PTA 5 JUN 2012

Pembekal menyusun buku mereka dengan rapi dan kemas



Pembekal cuba menarik minat pelajar untuk membeli buku yang mereka sediakan



Rektor melawat Tapak Pameran yang berlangsung di Foyer Blok D



Reaksi pelajar semasa memilih buku yang dijual di Perpustakaan Tengku Anis



Pelajar membeli buku dengan harga yang berpatutan



Suasana Pameran sesak dengan pelajar yang ingin membeli pelbagai jenis buku

Pembekal yang telah mengambil bahagian dalam Pesta Buku UiTM Caw Kelantan :

- 1) Harmoni Publication & Distributors Sdn Bhd
- 2) Intrabakti Sdn Bhd
- 3) Cahaya Ilmu Sdn Bhd
- 4) Koperasi USM Bhd
- 5) Far Read Resources Sdn Bhd



HARI MESRA PELANGGAN

FEBRUARI 2012

FOYER PENTADBIRAN DAN PERPUSTAKAN TENGKU ANIS



En Hamka sedang memerhati pelajar dalam Pertandingan "Mengail Ilmu"



Pelajar yang telah memenangi hadiah semasa Hari Mesra Pelanggan



Prof Madya Dr. Nik Kamaruzaman Abdul Latif
(Tim Rektor PJI)
merasmikan Hari Mesra Pelanggan PTA




En Maha Yudden sedang menerangkan serba sedikit tentang pameran Hari Mesra Pelanggan



Puan Wan Mahezan memberikan kata aluan kepada semua staf dan pelajar yang hadir semasa Majlis Perasmian



En Ridzuan sedang memerhati pelajar menyusun buku dalam satu Pertandingan "Menyusun Buku mengikut Nombor Pengkelasan"



LAWATAN ANA-RAFALI
19 JULAI 2012




MAKAN MALAM BERSAMA
KETUA PUSTAKAWAN UiTM
MALAYSIA : En. Noor Hidayat
3 JULAI 2012



GALERI
PTA



2012





LAWATAN PELAJAR SEKOLAH

3 JULAI 2012



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



MAJLIS
CAWANGAN

PROGRAM PENGUKUHAN
PASUKAN DAN INTEGRITI NASIONAL
STAF PTA UTM KELANTAN
19 - 23 APRIL 2012



PROGRAM PENGUKUHAN PASUKAN &
INTEGRITI NASIONAL STAF BAHAGIAN
PERPUSTAKAAN TENKU ANIS UTM
CAWANGAN KELANTAN KE NEGERI
KEDAH & PERLIS
TARIKH : 19 - 23 APRIL 2012



paradigma



CEPAT, TEPAT & EHSYEN

FASILITATOR

**Wan Mahezan Bte
Hj Wan Othman**

AHLI KUMPULAN

**Mohd Zafian Bin
Mohd Zawawi**

**Rosmariyati Bte
Ab. Rahman**

**Nordelina Bte
Zulkarnain**

**Maha Yudden Bin
Mahmood**

**Mohd Hazrie Bin
Mat Nawis**

Sukri Bin Mamat

**Mohd Hamka Bin Haji
Hamzah**

P E N C A P A I A N 2 0 1 2

1. TEMPAT KEDUA
(MINI KONVENSYEN KIK PERINGKAT
UITM CAW. KELANTAN)
2. ANUGERAH DOKUMENTASI TERBAIK
(MINI KONVENSYEN KIK PERINGKAT
UITM CAW. KELANTAN)
3. ANUGERAH EMAS
(MINI KONVENSYEN KIK PERINGKAT
UITM CAW. KELANTAN)
4. JOHAN
(MINI KONVENSYEN KIK UITM
PERINGKAT ZON TIMUR)
5. ANUGERAH PEMBENTANG TERBAIK
(MINI KONVENSYEN KIK UITM
PERINGKAT ZON TIMUR)
6. ANUGERAH EMAS
(MINI KONVENSYEN KIK UITM
PERINGKAT ZON TIMUR)
7. ANUGERAH DOKUMENTASI TERBAIK
(MINI KONVENSYEN KIK UITM
PERINGKAT ZON TIMUR)
8. ANUGERAH PEMBENTANG
TERBAIK
(KONVENSYEN KIK PERPUSTAKAAN)
9. ANUGERAH PERSEMBAHAN
TERBAIK
(KONVENSYEN UITM KALI KE-17)
10. ANUGERAH EMAS
(KONVENSYEN UITM KALI KE-17)



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL 8 FEB 2012



Suasana Perarakan yang dianggotai oleh semua staf perpustakaan



Perarakan Sambutan Maulidur Rasul



Beberapa orang staf sedang menyaksikan perarakan oleh pasukan lain

SAMBUTAN AS -SYURA 06 DIS 2012



Beberapa orang staf yang bersiap sedia untuk memulakan tugas



Staf sedang menjamu selera



Suasana semasa sambutan As-Syura yang telah disertai oleh semua kakitangan UiTM Cawangan Machang


CORAT-CORET PTA 2, KAMPUS KOTA BHARU SEPANJANG TAHUN 2012





Disediakan Oleh : Puan Alina Haji Hussein (Pustakawan)

BUKU TERMAHAL



ENCYCLOPEDIA OF COMPLEXITY AND SYSTEM
SCIENCE.EDITED BY ROBERT A.MEYERS,NEW
YORK,SPRINGER,2009.
RM 15,213.00
CALL NUMBER: AG5.E632009
11 Volume

BUKU TERMURAH

BIMBINGAN SOLAT JAMAAH.ABDUL AZIZ ISMAIL,
KUALA LUMPUR,AL-HIDAYAH PUBLISHER,2004
CALL NUMBER: BP183.3.A38 2004
RM3.00

STAF PALING KERAP MEMINJAM BUKU SEPANJANG TAHUN 2012

ZAUYAH BINTI ZAINAL ABIDIN
(89 BUAH)
ROSLIZA BINTI BAHARI
(83 BUAH)
NUR SYAMIMI LLIANI BINTI CHE HASSAN
(77 BUAH)
WAN AIDA BINTI WAN HASSAN
(61BUAH)

JUMLAH KOLEKSI SEHINGGA DISEMBER 2012

90,325 KOLEKSI

BUKU PALING LAMA DITERBITKAN

WEEKEND WODEHOUSE.P.G. WOODEHOUSE,LONDON,
HUTCHINSON,1939
CALL NUMBER:
PR6045.034W441939

JUDUL BUKU YANG PALING KERAP DIPINJAM PENGGUNA PTA

- *PUBLIC ADMINISTRATION:
A COMPARATIVE PERSPECTIVE/FERREL HEADY
(79 KALI)
- *RESEARCH METHODS FOR
MANAGERS: A SKILL-BUILDING
APPROACH/UMA SEKARAN
(83 KALI)
- *ISLAMIC BANKING AND FINANCE/BUTTERWOTHS EDITO-
RIAL STAFF
(89 KALI)
- *INTRODUCTION TO MANAGMENT/WARREN R.PLUNKET
RYAMOND F.ATTNER
(119 KALI)
- *LIBRARY TECHNICAL SERVICES:OPERATIONS AND
MANAGMENT/EDITED BY IRENE P. GODDEN
(167 KALI)



31 DISEMBER 2012 HOTEL RENAISSANCE, KOTA BHARU KEL.



ANUGERAH KUALITI REKTOR KELANTAN (AKRK) 2012

1. PERANCANGAN STRATEGIK TERBAIK (BAHAGIAN)
2. PENGUKURAN DAN ANALISA & PENGURUSAN PENGETAHUAN TERBAIK (BAHAGIAN)
3. HASIL TERBAIK (BAHAGIAN)
4. JUARA ANUGERAH KUALITI REKTOR KELANTAN

ANUGERAH PERKHIDMATAN 2012

5. ANUGERAH PERKHIDMATAN KAUNTER TERBAIK
6. ANUGERAH PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN TERBAIK

ANUGERAH KHAS REKTOR

7. PENERIMA ANUGERAH KHAS REKTOR PUAN ALINA BINTI HUSSEIN

ANUGERAH TOKOH INOVASI

8. PENERIMA KUMPULAN PARADIGMA / KIK

ANUGERAH MENULIS ESSEI KUALITI STAF BUKAN AKADEMIK

9. NAIB JOHAN NORDELINA BINTI ZULKARNAIN

ANUGERAH STAF BUKAN AKADEMIK

10. ANUGERAH KREATIVITI (PENGURUSAN & PROFESIONAL) NORDELINA BINTI ZULKARNAIN

11. ANUGERAH STAF CONTOH PERPUSTAKAAN EN RIDZUAN BINTI RAMLI

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2011 STAF BUKAN AKADEMIK

12. FAUZI YAACOB (PEMBANTU PEMULIHARAAN KANAN)

13. MOHD HAMKA HJ HAMZAH (PEMBANTU PERPUSTAKAAN)

14. TENGKU AZLIMI TENGKU AB RAZAH (PEMBANTU PERPUSTAKAAN)



MEMPERKASAKAN KUALITI KERJA DALAM MEMACU TRANSFORMASI DI UITM CAWANGAN KELANTAN

Nordelina Bte Zulkarnain
Pustakawan UPM/USM

Menurut Mantan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamed, kualiti adalah sesuatu keadaan yang cemerlang atau amat baik tetapi kebaikan itu tidak terhad atau tetap pada sesuatu tahap. Ia tidak statik dan bergerak sepanjang masa dan tidak ada hadnya. Transformasi pula menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2005) ialah bermaksud perubahan bentuk (sifat, rupa, keadaan, dll) manakala menurut (Ayob) istilah transformasi adalah daripada perkataan Inggeris iaitu transformation yang dibina daripada dua kata dasar iaitu trans dan form. Trans bermaksud melintasi dari satu sisi ke sisi lainnya (across), atau melampaui (beyond), manakala kata form bererti bentuk. Jika istilah transformasi digunakan dalam bentuk kata kerja, maka kita menyebutnya sebagai mentransformasikan yang bermakna mengubah (rupa, bentuk, sifat dan fungsi) dan juga bererti mengalihkan.

UITM Cawangan Kelantan kini bergerak ke arah mendapatkan status kampus autonomi. Menurut Penolong Naib Canselor UITM, Prof. Dr. Hazman Shah Vijayan Abdullah semasa ucapannya di Hari Inovasi UITM Kedah 2010 yang disiarkan dalam Utusan Online bertarikh 5 Nov 2011, kuasa autonomi itu akan menjadikan tadbir urus setiap kampus dirancang dengan lebih baik dan kampus-kampus negeri yang akan mempunyai kebebasan untuk memperkasakan kualiti aspek-aspek pengajaran, pengurusan dan sebagainya. Untuk menjayakan hasrat universiti dalam memantapkan takbir urus universiti, setiap warga UiTM Cawangan Kelantan perlu memainkan peranan dan tanggungjawab masing-masing. Prestasi dan kualiti kerja perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa tanpa hanya mengejar untuk mencapai objektif dan KPI jabatan masing-masing.

Antara objektif kualiti UITMCK ialah menghasilkan graduan yang berkemahiran tinggi dan profesional dalam bidang pengajian masing-masing untuk memenuhi keperluan pasaran tempatan dan global dan menjadikan UiTM Kelantan sebuah organisasi yang mengurus sumber kewangan, teknologi, kemudahan dan pembangunan insan secara cekap dan profesional. Justeru itu, pemeraksanaan kualiti kerja perlu merangkumi aspek Pengajaran dan Pembelajaran serta sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap.

Untuk memperkasakan kualiti kerja warga UITM Cawangan Kelantan baik dalam bidang pengajaran atau pengurusan saya mencadangkan konsep 3T. Konsep 3T bermaksud :

a) Transformasi Minda- Untuk mengubah "mindset" lama ke "mindset" yang baru para staf dan pensyarah perlu diberi lebih banyak pendedahan dalam bentuk kursus dan seminar, pengetahuan melalui ceramah atau kursus serta pembacaan untuk mewujudkan kesedaran bahawa kita adalah penggerak atau pendukung dalam usaha Pengurusan Tertinggi Universiti Cawangan Kelantan meletakkan nama UITMCK sebaris dengan universiti tersohor di dalam dan di luar negara. Tanpa Transformasi Minda kita akan merasakan bahawa hanya Pengurusan Tertinggi yang bertanggungjawab dalam menambah baik tadbir urus universiti dan bukannya kita kerana kita hanya seorang pembantu am rendah, seorang kerani, seorang pembantu perpustakaan, seorang juruteknik dan sebagainya. Sebenarnya, pemikiran sebegini membunuh kecemerlangan sesebuah universiti. Paksi untuk menentukan kejayaan dan kecemerlangan universiti ialah kita semua mesti berkongsi impian, matlamat, objektif dan tujuan yang sama serta komited dalam mencapai objektif, visi dan misi universiti serta meletakkan kepuasan pelanggan serta pihak berkepentingan sebagai paksi utama perkhidmatan dan pengajaran. Konsep "value for money" perlu diaplikasikan dalam semua gerak operasi perkhidmatan dan pengajaran.

b) Transformasi Diri- Tranformasi Diri lebih merujuk kepada kualiti diri individu. Merujuk sikap dan peribadi masing-masing. Tentu sahaja untuk mengangkat nama UITMCK ke persada negara dan antarabangsa 7 nilai yang digariskan dalam Budaya Kerja Perdana UITM dan 8 Nilai yang digariskan dalam Gagasan 1 Malaysia perlu diamalkan bersama-sama. Tiada lagi 1001 alasan untuk kita tidak mencapai prestasi kerja yang tinggi kerana jika memahami, menghayati dan mengamalkan 7 nilai-nilai yang digariskan di dalam Budaya Kerja Perdana dan Gagasan 1 Malaysia, kita akan percaya bahawa setiap kerja yang dilakukan dengan iktikad dan bersungguh-sungguh akan mendapat balasan di Hari Akhirat. Rujuk Surah (Surah Adz Dzaariyaat, 56-58). Jika semua warga UITMCK mengamalkan nilai diri yang baik dan integriti dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab,



insya Allah UiTM akan terus berdiri megah dan setanding dengan universiti tersohor dunia. Selain integriti, semua staf perlu mengamalkan sikap amanah, jujur dan bertanggungjawab dalam melaksanakan arahan kerja yang diberikan oleh jabatan. Buang sikap hasad dengki dan iri hati sesama sendiri, kerana ini akan merencatkan perkembangan kerjaya seseorang. Sikap buruk ini juga menyebabkan staf kurang bermotivasi di tempat kerja dan menyebabkan kualiti kerja merosot. Penganjuran ceramah-ceramah agama oleh Unit CITU dan jabatan perlu dipertingkatkan lagi kerana dengan ilmu, kefahaman dan kesedaran kita akan menjadi pekerja yang berkualiti tinggi.

c) Transformasi Persekitaran Kerja – Transformasi Persekitaran Kerja bermaksud kita perlu berubah daripada iklim kerja yang lama kepada iklim kerja yang baru. Pendekatan Unit Kualiti dengan memperkenalkan Kempen Amalan 5S adalah sesuatu yang dipuji kerana mendidik warga UiTMCK supaya mengamalkan persekitaran kerja yang bersih, sistematik dan kondusif yang membantu staf membuat kerja dengan lebih teratur dan tersusun sekaligus memperkasakan kualiti kerja warga UiTMCK. Budaya "Morning Coffee" atau "Morning Talk" yang diamalkan di HEP boleh diperluaskan kesemua bahagian di UiTMCK kerana budaya "Morning Coffee" atau "Morning Talk" telah lama dipraktikkan di sektor korporat yang mana ia membolehkan staf dan pegawai serta ketua jabatan berkongsi pendapat dan idea berhubung sesuatu perkara dalam keadaan santai. Ia juga mengalakkan staf untuk lebih terbuka dan yakin dalam memberikan pendapat dan idea serta cadangan kepada pihak atasan kerana amalan "Morning Coffee" juga membolehkan masalah yang diutarakan di ambil tindakan segera. Hari Rabu atau Isnin setiap minggu atau dua minggu sekali boleh dipilih sebagai hari untuk diadakan "Morning Coffee".

Selain cadangan Konsep 3T, saya juga menyarankan dipertingkatkan elemen 4K. Elemen yang pertama ialah, Kebajikan staf dipelihara dan dipertingkatkan. Sebagai contoh, Unit Komunikasi Korporat misalnya boleh berperanan menyalurkan semua maklumat seperti kelahiran cahayamata, ucapan ulang tahun kelahiran, kematian staf dan ahli keluarga, staf sakit, anak staf sakit, dan sebagainya. Maklumat ini dikemaskini setiap bulan. Walaupun Unit Pentadbiran ada menyalurkan maklumat ini, tetapi hanya melibatkan kematian staf dan ahli keluarga. Ini adalah kerana jika staf merasakan diri mereka dihargai, mereka akan lebih sayangkan Universiti. Konsep UiTM Dihatiku akan terus tersemat kukuh di semua jiwa dan sanubari warga UiTMCK jika kita saling cakna antara satu sama lain ibarat sebagai sebuah keluarga yang besar. Apabila rasa kasih dan sayang mereka dengan universiti menebal, setiap arahan yang diterima akan dilaksanakan tanpa penolakan dan dengan dibuat dengan penuh komited dan kesungguhan.

Elemen Kedua, Komunikasi Dua Hala- Komunikasi Dua Hala antara staf bawahan dan pihak pengurusan perlu diperkembangkan lagi. Idea / cadangan staf biasanya diutarakan dalam bentuk formal. Setiap staf perlu mewujudkan akaun Twitter dan

Facebook untuk saling berkomunikasi antara sama lain. Interaksi komunikasi seperti ini santai, mesra dan lebih personal. Setiap cadangan dan komen yang membina boleh impak dalam prestasi kerja seharian. Masukan "Post" seperti "Adakah Anda Berpuas Hati Dengan Layanan Pembantu Perpustakaan Di PTA" akan mengundang reaksi positif dan negatif dan cadangan membina daripada semua pihak. Komunikasi dua hala yang baik dan berkesan antara bos dan staf misalnya akan membantu mengurangkan tekanan ditempat kerja seterusnya meningkat dan memperkasakan kualiti kerja yang dilakukan. Ini kerana staf merasakan cadangan, pandangan mereka diambil kira dan diberi perhatian.

Elemen yang Ketiga ialah Kenaikan Pangkat dan Penghargaan. Proses yang kenaikan yang sedia boleh diperkembangkan lagi apabila kita telah mencapai status autonomi Staf yang telah lama berkhidmat dan menunjukkan prestasi yang baik perlu dipermudahkan proses kenaikan pangkat agar ia menjadi "role model" kepada staf yang baru. Masalah dan tapisan birokrasi proses kenaikan pangkat perlu dihapuskan agar staf dan penyarah mempunyai motivasi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan. Staf yang baru berkhidmat tetapi telah menunjukkan prestasi yang cemerlang perlu diberi peluang untuk mendapat Cemerlang. Jangan ada budaya pilih kasi ataupun "kroni" dalam menentukan staf mendapat cemerlang atau menyokong permohonan kenaikan pangkat bagi staf yang terpilih sahaja.

Elemen yang Keempat- Kreatif Dan Inovatif. Kewujudan beberapa kumpulan KIK seperti PARADIGMA, Kreavasi, FastMax telah meletakkan UiTMCK sebaris dengan kecemerlangan kampus cawangan yang lain. Sokongan penuh pihak Pengurusan Tertinggi terhadap penyertaan dan penganjuran KIK membolehkan budaya KIK semakin mendapat tempat di hati warga UiTMCK. Kecemerlangan yang kejayaan yang telah diraih akan menyuntik semangat kepada kewujudan kumpulan KIK yang lain. KIK bukan sahaja menyuntik dan memperkasakan sifat kreatif dan inovatif tetapi juga memupuk semangat bersatu-padu dan berkumpulan dan yang paling besar impaknya memudah dan meningkatkan tadbir urus universiti, sistem penyampaian, pengurusan kewangan dan kemudahan serta perkhidmatan yang mana kita menjanjikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan.

Secara kesimpulannya, secara asasnya semua warga UiTMCK perlu sedar jatuh dan bangun universiti adalah gerak kerja bersama. Tanpa sokongan dan penerimaan segala direncana akan terkubur begitu sahaja. Ayuhlah, kita bersama bergerak ke hadapan dalam memperkasakan mutu kerja untuk menjulang nama UiTMCK. Teruskan Gerak kerja kualiti yang sedia ada seperti Gerak Kerja 5S, Gerak Kerja Penilaian AKRK, Penganjuran Konvensyen IID Peringkat Pelajar dan Staf, Penganjuran KIK Peringkat Pantai Timur. Cadangan dan saranan diutara untuk dilihat dan diperhalusi agar UiTMCK sentiasa gah pada nama dan kualiti kerjanya.

Nota :

Naib Johan Pertandingan Menulis

Essei Staf Bukan Akademik Tahun 2012



FOKUS AMALAN 5S



IMPAK PERLAKSANAAN KEPADA ORGANISASI

- * Program menyeluruh yang melibatkan semua orang dalam organisasi.
- * Pendekatan yang sangat berkesan untuk memotivasi pekerja, meningkatkan produktiviti dan persekitaran tempat kerja.
- * Perlu dilaksanakan secara berterusan

IMPAK AMALAN 5S

- Produktiviti - tinggi
- Kualiti - yang berkekalan
- Kos - menurun
- Penghantaran- yang tepat
- Selamat - di tempat kerja
- Moral Pekerja - tinggi



KEKUATAN AMALAN 5S

- Membina Budaya Kaizen di tempat kerja.
- Bina semangat kerja berpasukan.
- Melatih pekerja lebih berdisiplin.
- Menyumbang idea kreatif dan inovatif.
- Bina moral pekerja yang tinggi.
- Bersedia melaksana program peningkatan P&Q yang lebih mencabar.



SEBAB AMALAN 5S DISUKAI

- Mudah dilaksana oleh semua syarikat sama ada kecil, sederhana atau besar.
- Sama ada sektor pengilangan, perkhidmatan atau individu.
- Konsep yang senang difahami dan tidak memerlukan pemahaman istilah yang susah.
- Semua orang sukakan kebersihan keselesaan, keselamatan & kecekapan.





NILAI-NILAI BERSAMA MELALUI AMALAN 5S

Penambahbaikan Berterusan "Kaizen Mindset"

Sensitif kepada "abnormality" @ "budaya penjagaan"

Sayangkan harta benda melalui konsep hakmilik @ "ownership"

Pencegahan kesilapan @ "Right at the first time"

Sikap kepada "Back in order"

Kreativiti

Komunikasi Berkesan

Semangat berpasukan

Kepuasan dan keseronokan Bekerja

4 FAKTOR UTAMA KEJAYAAN 5S

- * Sokongan dan komitmen berterusan dari pihak pengurus
- * Bermula dengan kesedaran , latihan, pemantauan dan penilaian.
- * Semua orang mengamalkannya dan tiada yang terkecuali.
- * Ulangi putaran 5S untuk menjadi budaya.



12 Ladders To World Class Performance

(D.Drennan & S. Pennington)

1. Aligning Management Objectives
2. Customer Focus
3. ORGANIZING THE WORKPLACE
4. Visible Management Systems
5. Managing For Quality
6. Eliminating Waste
7. Best Operating Practices And Continuous Improvement
8. Team Work
9. Staff Empowerment and Involvement
10. Reward and Recognition
11. Purposeful Communication
12. Continuous Learning



Disediakan Oleh : Rosmariyati Bt Ab Rahman
Pustakawan
Perpustakaan Tengku Anis

Sumber : Malaysia Productivity Corporation (MPC)



Disediakan oleh : Puan Nordelina Bt. Zulkarnain (Pustakawan)

TOKOH SUKAN

NAMA: EN. HAMIZUR BIN HUSSIN
TARIKH LAHIR: 30.12.1976
ASAL: KELANTAN
JAWATAN DI PERPUSTAKAAN: PEM. PERPUSTAKAAN

PENCAPAIAN:

- MEWAKILI NEGERI KELANTAN BAGI SUKMA (SUKAN MALAYSIA) KE-6 PADA 1996 DI PAHANG
- MEWAKILI UITM MALAYSIA DARI TAHUN 2005 HINGGA 2009
- MEWAKILI UITM KELANTAN DARI TAHUN 1997 HINGGA SEKARANG
- MENJADI JURULATIH UITM KELANTAN UNTUK STAF DAN PELAJAR DARI TAHUN 1997 HINGGA SEKARANG



KOLEKSI KHAS



KOLEKSI PERDANA MENTERI

Najib : rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan : Perdana Menteri Malaysia ke-6 / Aizuddin Muhammad Muaz
PM DS 597.215 .A39 2009

Buku ini merupakan sebuah biografi Perdana Menteri Malaysia yang ke-6 Dato' Seri Najib Tun Razak.

KOLEKSI KELANTAN

Sintaksis Dialek Kelantan /
Abdul Hamid Mahmood
kk PL 5128 .K45 A23 2006

Buku ini membicarakan segala aspek fonologi, morfologi dan sintaksis dalam dialek Kelantan dengan terperinci.

